

06 SEP 2001

PM-MSK

PM: MSK TIDAK TERJEJAS DENGAN KELEMBAPAN EKONOMI AS

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Koridor Raya Multimedia (MSK) Malaysia "tidak banyak terjejas dengan kelembapan ekonomi AS."

Beliau berkata masih terdapat kemasukan pelaburan dan pertambahan jumlah pelabur serta peningkatan dalam permintaan ruang pejabat.

"Malah, MSK mendahului sasaran dengan 554 syarikat berstatus MSK yang mana 46 adalah syarikat multi nasional bertaraf dunia," katanya pada sidang media di sini.

Beliau berkata meskipun pelaburan oleh syarikat-syarikat besar adalah kecil, mereka telah memilih MSK sebagai pusat kegiatan seluruh dunia mereka. -- BERNAMA

SHO SHY NHD